

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR
@ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesiapsiagaan Kementerian di dalam meningkatkan lagi kemampanan industri minyak sawit Malaysia terutamanya dari sudut kebolehesanan (*traceability*) dan apakah inovasi teknologi "*blockchain*" termasuk di dalam perancangan Kementerian untuk dilaksanakan selepas kejayaan pelaksanaan pensijilan minyak sawit mampan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah melaksanakan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil – MSPO*) secara mandatori bermula 1 Januari 2020. Pensijilan MSPO merupakan pensijilan kemampuan minyak sawit yang dibangunkan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan domestik yang merangkumi pematuhan terhadap keperluan undang-undang, tanggungjawab sosial, syarat pekerjaan; persekitaran dan amalan terbaik serta mengambil kira penglibatan para pekebun kecil sawit dalam skim ini.

Kejayaan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dikecapi pada hari ini merupakan titik permulaan kepada komitmen industri sawit Malaysia terhadap kemampuan. Merujuk pada statistik terkini pencapaian pensijilan MSPO sehingga 21 Oktober 2020, 88% kawasan tanaman sawit berkeluasan 5.19 juta hektar dan 421 daripada 452 kilang kelapa sawit telah dipersijilkan dengan MSPO. Walaubagaimana pun, usaha dan penambahbaikan berterusan perlu dibuat oleh premis terlibat bagi mengekalkan sijil yang telah diterima. Setiap tahun, premis bersijil MSPO ini akan diaudit oleh badan pensijilan yang diakreditasi oleh Standard Malaysia dan usaha-usaha terhadap penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya agar sijil MSPO yang diterima dapat dikekalkan.

Usaha untuk menambahbaik aspek kebolehjejukan dalam pensijilan MSPO sedang giat dilaksanakan dengan pembangunan Aplikasi *Malaysian Sustainable Palm Oil Trace* (MSPO Trace) yang telah dibangunkan dan dilancarkan pada bulan November 2019. MSPO Trace merupakan platform IT untuk pemantauan pensijilan berterusan bertujuan memberikan akauntabiliti dan kebolehjejukan (*traceability*) di seluruh rantai nilai kelapa sawit dari penanam hingga pelanggan. MSPO Trace telah dibangunkan dengan menggunakan data daripada pensijilan MSPO untuk fungsi kebolehjejukan.

Melalui aplikasi MSPO Trace, setiap produk bersijil MSPO akan dapat dikesan daripada mana ianya dihasilkan dan kepada siapa ianya dijual. Pengguna yang ingin mengetahui daripada mana sumber minyak sawit yang digunakan itu dihasilkan, boleh membuat rujukan kepada aplikasi MSPO Trace. Walau bagaimanapun, sistem MSPO Trace pada jangka panjang boleh dinaiktaraf untuk menjalankan fungsi kebolehjejukan menggunakan teknologi "*blockchain*" tetapi ia memerlukan pelaburan pembangunan yang lebih tinggi.

Pihak Kementerian bersedia menerima sebarang inovasi teknologi termasuk teknologi "*blockchain*" selagi ia memenuhi keperluan kebolehkesanan. Perlulah difahami bahawa teknologi "*blockchain*" merupakan elemen yang besar dan ia merupakan persediaan Kementerian ke arah "*Big Data*" bagi membolehkan Kementerian menganalisa perkembangan industri dan membuat keputusan yang terbaik. Namun begitu, perkara ini perlu kajian yang teliti dari beberapa aspek seperti infrastruktur, kos, keperluan, dan peruntukan undang-undang yang ada. Perkara ini akan dikaji dengan lebih terperinci dengan semua agensi di bawah Kementerian untuk menyediakan perancangan strategik dalam menyahut seruan Kerajaan ke arah IR4.0.

Sekian, terima kasih.